



30 November 2017  
30 November 2017  
P.U. (A) 372

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

KAEDAH-KAEDAH PENGAMBILAN TANAH 2017

*LAND ACQUISITION RULES 2017*

DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA PENGAMBILAN TANAH 1960  
KAEDAH-KAEDAH PENGAMBILAN TANAH 2017

---

SUSUNAN KAEDAH-KAEDAH

---

Kaedah

BAHAGIAN I  
PERMULAAN

1. Nama dan permulaan kuat kuasa

BAHAGIAN II  
PENGAMBILAN TANAH

2. Permohonan
3. Deposit
4. Deposit tambahan
5. Pertimbangan Pentadbir Tanah
6. Pertimbangtelitian Unit Perancangan Ekonomi Negeri atau Jawatankuasa bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
7. Laporan penuh perundingan
8. Keputusan Pihak Berkuasa Negeri
9. Penarikan balik permohonan

BAHAGIAN III  
PENDUDUKAN ATAU PENGGUNAAN SEMENTARA TANAH

10. Permohonan
11. Deposit
12. Pemulihan Tanah

BAHAGIAN IV  
PEMBATALAN DAN KECUALIAN

13. Pembatalan dan peruntukan kecualian

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

## AKTA PENGAMBILAN TANAH 1960

## KAEDAH-KAEDAH PENGAMBILAN TANAH 2017

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 69 Akta Pengambilan Tanah 1960 [Akta 486] sebagaimana yang diubahsuaikan oleh Perintah Wilayah Persekutuan (Pengubahsuaian Akta Pengambilan Tanah, 1960) 1974 [P.U. (A) 81/1974], Perintah Wilayah Persekutuan Putrajaya (Ubah Suaian Akta Pengambilan Tanah 1960) 2002 [P.U. (A) 200/2002] dan Perintah Wilayah Persekutuan Labuan (Pemerluasan dan Ubah Suaian Akta Pengambilan Tanah) 2009 [P.U. (A) 455/2009], Menteri, dengan kelulusan Majlis Tanah Negara, membuat kaedah-kaedah yang berikut:

BAHAGIAN I  
PERMULAAN**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Pengambilan Tanah 2017**.

(2) Kaedah-kaedah ini mula berkuat kuasa pada 1 Disember 2017.

BAHAGIAN II  
PENGAMBILAN TANAH**Permohonan**

2. (1) Suatu permohonan bagi pengambilan mana-mana tanah di bawah perenggan 3(1)(b) atau (c) Akta hendaklah dibuat oleh pemohon kepada Pentadbir Tanah dalam Borang 1 Jadual Pertama.

(2) Permohonan di bawah subkaedah (1) hendaklah disertai dengan fi sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua Kaedah-Kaedah ini dan dokumen lain yang dinyatakan dalam perenggan 3(3)(a), (b) dan (c) Akta.

### **Deposit**

3. (1) Pemohon yang membuat permohonan di bawah subkaedah 2(1) hendaklah membayar deposit pada kadar satu ratus dua puluh lima peratus daripada nilai pasaran yang dianggarkan tanah yang hendak diambil itu, sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 3(3)(c) Akta.

(2) Pembayaran deposit hendaklah mengikut cara yang berikut:

(a) lima puluh peratus daripada deposit itu hendaklah dikemukakan bersama dengan permohonan; dan

(b) tujuh puluh lima peratus baki deposit hendaklah dikemukakan semasa penyetujuteraan terma dan syarat kelulusan yang dikenakan oleh Pihak Berkuasa Negeri sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 8(2)(c) Kaedah-Kaedah ini.

(3) Deposit di bawah subkaedah (1) hendaklah dibayar dalam bentuk draf bank.

### **Deposit tambahan**

4. (1) Deposit tambahan boleh dikenakan kepada pemohon jika pampasan yang diawardkan di bawah seksyen 14 Akta atau amaun yang dituntut oleh orang yang berkepentingan yang dibuat di hadapan Pentadbir Tanah di bawah seksyen 12 Akta lebih tinggi daripada deposit yang dibayar di bawah subkaedah 3(1).

(2) Pentadbir Tanah boleh mengeluarkan Borang 2 Jadual Pertama yang menghendaki pemohon untuk membayar deposit tambahan dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh penerimaan Borang itu.

### **Pertimbangan Pentadbir Tanah**

5. (1) Jika Pentadbir Tanah berpuas hati dengan permohonan di bawah subkaedah 2(1) dan terdapat kelulusan pembangunan diberikan, Pentadbir Tanah hendaklah menghantar permohonan itu berserta dengan dokumen iringan kepada

Unit Perancangan Ekonomi Negeri atau Jawatankuasa bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) Pentadbir Tanah boleh menolak permohonan di bawah subkaedah 2(1) jika permohonan itu tidak mematuhi kehendak subseksyen 3(3) Akta dan pengambilan tanah itu bukan bagi maksud kegunaan awam.

**Pertimbangtelitian Unit Perancangan Ekonomi Negeri atau Jawatankuasa bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur**

6. (1) Unit Perancangan Ekonomi Negeri atau Jawatankuasa bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur boleh menimbangkan permohonan yang disebut dalam subkaedah 5(1) berdasarkan perkara yang dinyatakan dalam subseksyen 3A(1) Akta.

(2) Jika terdapat kelulusan pembangunan diberikan kepada tuan punya berdaftar dan pengambilan tanah bagi maksud kegunaan awam, Unit Perancangan Ekonomi Negeri atau Jawatankuasa bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah menentukan kewajaran bagi tuan punya berdaftar untuk menyertai projek yang baginya tanah itu dicadangkan untuk diambil.

(3) Jika Unit Perancangan Ekonomi Negeri atau Jawatankuasa bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, mengikut mana-mana yang berkenaan, berpuas hati bahawa adalah wajar bagi tuan punya berdaftar untuk menyertai projek yang baginya tanah itu dicadangkan untuk diambil, ia hendaklah mengarahkan pemohon untuk berunding dengan tuan punya berdaftar dan memberikan suatu notis bertulis dalam Borang 3 Jadual Pertama kepada pemohon dalam tempoh enam minggu dari tarikh penerimaan permohonan yang disebut dalam subkaedah 5(1).

**Laporan penuh perundingan**

7. (1) Pemohon hendaklah memberikan suatu laporan penuh perundingan yang disebut dalam subkaedah 6(3) kepada Unit Perancangan Ekonomi Negeri atau Jawatankuasa bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

(2) Jika perundingan di bawah subkaedah 6(3) berjaya, Unit Perancangan Ekonomi Negeri atau Jawatankuasa bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur hendaklah tidak meneruskan permohonan yang disebut dalam subkaedah 5(1).

(3) Bagi maksud subkaedah (2), Pentadbir Tanah hendaklah membayar balik amaun deposit yang telah dibayar di bawah perenggan 3(2)(a) Kaedah-Kaedah ini tanpa pembayaran apa-apa faedah dalam tempoh tiga bulan dari tarikh permintaan untuk bayaran balik deposit penuh yang dibuat oleh pemohon.

(4) Jika perundingan di bawah subkaedah 6(3) tidak berjaya, Unit Perancangan Ekonomi Negeri atau Jawatankuasa bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur hendaklah—

- (a) meneruskan permohonan yang disebut dalam subkaedah 5(1); dan
- (b) membuat apa-apa syor sebagaimana yang difikirkannya perlu bahawa;
  - (i) tuan punya berdaftar tidak dipaksa untuk menyertai projek; dan
  - (ii) Pihak Berkuasa Negeri boleh mengenakan apa-apa syarat nyata dan sekatan kepentingan ke atas tanah.

(5) Unit Perancangan Ekonomi Negeri atau Jawatankuasa bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, setelah menimbangkan permohonan yang disebut dalam subkaedah 5(1), laporan penuh perundingan di bawah subkaedah (1) dan syor di bawah perenggan (4)(b) Kaedah-Kaedah ini, hendaklah menghantar notis dalam Borang 4 Jadual Pertama kepada Jawatankuasa Khas Pengambilan Tanah atau Pihak Berkuasa Negeri dalam tempoh empat belas hari dari tarikh penerimaan laporan penuh perundingan di bawah subkaedah (1).

**Keputusan Pihak Berkuasa Negeri**

8. (1) Pihak Berkuasa Negeri boleh meluluskan atau menolak permohonan yang dibuat di bawah subkaedah 2(1).

(2) Jika Pihak Berkuasa Negeri meluluskan permohonan yang dibuat di bawah subkaedah 2(1)—

- (a) Pihak Berkuasa Negeri hendaklah memberitahu Pentadbir Tanah tentang kelulusan itu dan apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang difikirkannya patut;
- (b) Pentadbir Tanah hendaklah memberitahu pemohon tentang kelulusan itu dalam Borang 5 Jadual Pertama dalam tempoh empat belas hari dari tarikh penerimaan kelulusan itu; dan
- (c) pemohon hendaklah menjawab kepada Pentadbir Tanah dalam tempoh masa tiga puluh hari dari tarikh penerimaan pemberitahuan untuk mengesahkan penyetujuteraan terma dan syarat kelulusan itu.

(3) Jika Pihak Berkuasa Negeri menolak permohonan yang dibuat di bawah subkaedah 2(1)—

- (a) Pihak Berkuasa Negeri hendaklah memberitahu Pentadbir Tanah tentang penolakan itu;
- (b) Pentadbir Tanah hendaklah memberitahu pemohon tentang penolakan itu dalam Borang 6 Jadual Pertama dalam tempoh empat belas hari dari tarikh penerimaan penolakan itu; dan
- (c) Pentadbir Tanah hendaklah membayar balik amaun deposit yang telah dibayar di bawah perenggan 3(2)(a) Kaedah-Kaedah ini



tanpa pembayaran apa-apa faedah kepada pemohon dalam tempoh masa tiga bulan dari tarikh penerimaan penolakan itu.

### **Penarikan balik permohonan**

9. (1) Mana-mana pemohon boleh menarik balik permohonan bagi pengambilan mana-mana tanah, sepenuhnya atau sebahagiannya, di bawah subseksyen 3F(1) Akta dengan memberikan suatu notis secara bertulis kepada Pentadbir Tanah.

(2) Permohonan pengambilan mana-mana tanah disifatkan sebagai ditarik balik, jika:

(a) pemohon gagal untuk mengemukakan laporan penuh perundingan kepada Unit Perancangan Ekonomi Negeri atau Jawatankuasa bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dalam tempoh masa yang ditetapkan dalam Borang 3 Jadual Pertama; atau

(b) pemohon gagal untuk mengesahkan penyetujuteraan terma dan syarat kelulusan dalam tempoh masa yang ditetapkan di bawah perenggan 8(2)(c) Kaedah-Kaedah ini.

(3) Jika penarikan balik permohonan di bawah subkaedah (1) dibuat sebelum penyiaran pemberitahuan di bawah seksyen 8 Akta atau permohonan yang disifatkan sebagai ditarik balik di bawah subkaedah (2) —

(a) Pentadbir Tanah hendaklah mengenakan fi bagi penarikan balik permohonan bagi pengambilan tanah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua;

(b) Pentadbir Tanah hendaklah memberitahu pemohon berkenaan dengan pelucuthakan deposit melalui notis dalam Borang 7 Jadual Pertama; dan

(c) Pentadbir Tanah boleh melucuthak deposit sebanyak lima puluh peratus atau RM10,000.00, yang mana lebih tinggi, berdasarkan peringkat yang padanya permohonan itu ditarik balik.

(4) Walau apa pun perenggan (3)(c), Pihak Berkuasa Negeri, menurut budi bicaranya, boleh mengurangkan pelucuthakan amaun tidak kurang daripada sepuluh peratus daripada keseluruhan deposit tersebut atau RM10,000.00, yang mana lebih tinggi.

(5) Jika pemohon menarik balik permohonan di bawah subkaedah (1) selepas penyiaran pemberitahuan di bawah seksyen 4 Akta atau permohonan yang disifatkan sebagai ditarik balik di bawah subkaedah (2), pampasan bagi kerosakan pada mana-mana tanah yang disebabkan oleh mana-mana orang yang diberi kuasa di bawah subseksyen 5(1) Akta hendaklah dibayar mengikut seksyen 6 Akta.

(6) Tertakluk kepada subkaedah (5), pampasan hendaklah dibayar daripada pelucuthakan deposit yang dibuat di bawah perenggan (3)(c) Kaedah-Kaedah ini dan Pihak Berkuasa Negeri boleh mengarahkan pemohon secara bertulis untuk membuat pembayaran tambahan sekiranya amaun pampasan lebih besar daripada amaun pelucuthakan deposit.

### BAHAGIAN III PENDUDUKAN ATAU PENGGUNAAN SEMENTARA TANAH

#### **Permohonan**

10. (1) Suatu permohonan bagi pendudukan atau penggunaan sementara tanah di bawah subseksyen 57(1) Akta hendaklah dibuat oleh pemohon kepada Pentadbir Tanah dalam Borang 8 Jadual Pertama.

(2) Permohonan di bawah subkaedah (1) hendaklah disertai dengan fi sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.

(3) Pentadbir Tanah atau pihak berkuasa mendaftar lain hendaklah membuat suatu nota tentang apa-apa pendudukan atau penggunaan sementara tanah sebagaimana yang dinyatakan dalam subseksyen 57(2) Akta.

### **Deposit**

11. Pemohon yang membuat permohonan di bawah subkaedah 10(1) hendaklah membayar deposit pada kadar seratus dua puluh lima peratus daripada nilai pasaran yang dianggarkan tanah yang hendak diambil itu sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 3(3)(c) Akta, dan kena dibayar dalam bentuk draf bank dengan mengikut cara yang dinyatakan dalam subkaedah 3(2).

### **Pemulihan tanah**

12. (1) Apabila tamat tempoh pendudukan dan penggunaan tanah secara sementara, tanah itu hendaklah dibaik pulih sebagaimana keadaannya sebelum permohonan di bawah subkaedah 10(1) dibuat.

(2) Pentadbir Tanah hendaklah memberi suatu notis secara bertulis dalam Borang 9 Jadual Pertama kepada orang yang berkepentingan dalam pendudukan atau penggunaan sementara tanah bahawa suatu siasatan akan dijalankan untuk memastikan tanah itu dibaik pulih.

(3) Selepas penyempurnaan siasatan di bawah subkaedah (2), suatu notis serahan balik tanah dalam Borang 10 Jadual Pertama hendaklah dikeluarkan kepada orang yang berkepentingan dalam pendudukan atau penggunaan sementara tanah.

## **BAHAGIAN IV PEMBATALAN DAN PERUNTUKAN PERALIHAN**

### **Pembatalan dan peruntukan kecualian**

13. (1) Kaedah-Kaedah Pengambilan Tanah 1998 [*P.U. (A) 70/1998*] dibatalkan.

(2) Walau apa pun subkaedah (1), apa-apa permohonan atau perkara lain yang berkaitan yang sedang atau telah dibuat sebaik sebelum permulaan kuat kuasa Kaedah-Kaedah ini hendaklah, selepas permulaan kuat kuasa Kaedah-Kaedah ini,

diteruskan dan disempurnakan di bawah dan mengikut Kaedah-Kaedah yang dibatalkan.

JADUAL PERTAMA

BORANG 1

(Subkaedah 2(1))

PERMOHONAN BAGI PENGAMBILAN TANAH DI BAWAH PERENGGAN 3(1)(b) ATAU (c)\* AKTA PENGAMBILAN TANAH 1960 (BAGI TANAH/TANAH BAWAH TANAH/BANGUNAN ATAU TANAH YANG DIPECAH BAHAGI)

BAHAGIAN 1: PERMOHONAN

Kepada:

Pentadbir Tanah,

.....  
.....  
.....

Permohonan bagi pengambilan tanah di bawah perenggan \*3(1)(b) atau (c) Akta Pengambilan Tanah 1960 bagi maksud ..... dalam Bandar/Pekan/Mukim ..... Daerah ..... Negeri .....

Saya/Kami\* ..... beralamat di ..... memberitahu bahawa tanah yang diperihalkan dalam Jadual kepada Borang ini, termasuk tanah, jika ada, yang disebut dengan nombor lot atau nombor lot tanah yang berhampiran, mungkin diperlukan bagi maksud yang berikut:

.....  
.....  
.....

JADUAL

Negeri .....  
Daerah .....  
Bandar/Pekan/Mukim .....

Perihal kawasan

.....  
 .....  
 .....

No. Lot/No. P.T./Petak	Hakmilik atau Pendudukan	Tuan punya Berdaftar atau Penduduk yang direkodkan	Keluasan Lot/ Petak	*Anggaran Keluasan yang hendak Diambil/Anggaran *Keluasan/Isipadu dan Had Tanah Bawah Tanah yang hendak Diambil

**BAHAGIAN 2: BUTIR-BUTIR PEMOHON**

*\*(a)* Permohonan oleh orang perseorangan  
 (Butir-butir yang berikut hendaklah dilengkapkan oleh setiap orang)

- (i) Nama:.....  
 (Huruf besar)
- (ii) Nombor Kad Pengenalan: .....
- (iii) Alamat surat-menyurat: .....  
 .....  
 .....  
 Poskod: .....
- (iv) Pekerjaan: .....
- (v) E-mel: .....
- (vi) Nombor telefon: .....

*\*(b)* Permohonan oleh syarikat/perbadanan/badan berkanun\*  
 (Butir-butir yang berikut hendaklah dilengkapkan oleh setiap syarikat/perbadanan/badan berkanun\*)

- (i) Nama syarikat/perbadanan/badan berkanun\*: .....  
 .....  
 (Huruf besar)
- (ii) Nombor Pendaftaran: .....
- (iii) Tarikh diperbadankan: .....
- (iv) Tempat pendaftaran: .....  
 .....  
 .....
- (v) Alamat berdaftar syarikat/perbadanan/badan berkanun\* (Jika suatu syarikat asing, sila nyatakan alamat perniagaan terkini di Malaysia):  
 .....  
 .....
- (vi) Modal berbayar: .....
- (vii) Jenis perniagaan/aktiviti\* yang didaftarkan:  
 .....
- (viii) Nama dan kewarganegaraan setiap pengarah/penama\*:  
 .....
- (ix) E-mel: .....
- (x) Nombor telefon: .....

**BAHAGIAN 3: DOKUMEN IRINGAN**

Bagi Tanah:

Lampiran A	-	Kertas Cadangan Projek	
Lampiran B	-	Pelan Susun Atur dan Pelan Pengambilan Tanah	
Lampiran C	-	Laporan Penilaian Awal	
Lampiran D	-	Memorandum dan Perkara-Perkara Persatuan	
Lampiran E	-	Pengesahan: Bahawa peruntukan adalah mencukupi untuk membiayai pampasan kerosakan akibat kerja ukur dan kajian tanah/kos penandaan/kos lain yang berkaitan.	

Bagi Tanah Bawah Tanah:

- |            |   |   |  |
|------------|---|---|--|
| Lampiran A | - | Kertas Cadangan Projek  |  |
| Lampiran B | - | Pelan Permohonan Tanah Bawah Tanah/Pelan Akui Stratum   |  |
| Lampiran C | - | Pelan Pembangunan/Binaan (Jika berkenaan)   |  |
| Lampiran D | - | Laporan Penilaian Awal  |  |
| Lampiran E | - | Memorandum dan Perkara-Perkara Persatuan  |  |
| Lampiran F | - | Pengesahan: Bahawa peruntukan adalah mencukupi untuk membiayai pampasan kerosakan akibat kerja ukur dan kajian tanah/kos penandaan/kos lain yang berkaitan. |  |

Bagi Bangunan atau Tanah yang Dipecah Bahagi:

- |            |   |   |  |
|------------|---|---|--|
| Lampiran A | - | Kertas Cadangan Projek  |  |
| Lampiran B | - | Pelan Lokasi, Pelan Tingkat dan Pelan Penandaan   |  |
| Lampiran C | - | Salinan Pelan Akui Bangunan/Cadangan Pelan Strata   |  |
| Lampiran D | - | Salinan Kebenaran Merancang/Perintah Pembangunan  |  |
| Lampiran E | - | Pelan Pra-Hitungan  |  |
| Lampiran F | - | Laporan Penilaian Awal  |  |
| Lampiran G | - | Memorandum dan Perkara-Perkara Persatuan  |  |
| Lampiran H | - | Pengesahan: Bahawa peruntukan adalah mencukupi untuk membiayai pampasan kerosakan akibat kerja ukur dan kajian tanah/kos penandaan/kos lain yang berkaitan. |  |

#### BAHAGIAN 4: FI PERMOHONAN

Bersama-sama ini saya/kami\* sertakan sejumlah RM .....  
 (Ringgit Malaysia: .....) dalam bentuk draf bank bernombor  
 ..... bertarikh ..... sebagai fi permohonan sebagaimana yang  
 dikehendaki oleh subkaedah 2(2) Kaedah-Kaedah Pengambilan Tanah 2017.

#### BAHAGIAN 5: DEPOSIT

Bersama-sama ini saya/kami\* sertakan sejumlah RM .....  
 (Ringgit Malaysia: .....) (bersamaan dengan lima puluh peratus  
 daripada deposit) dalam bentuk draf bank bernombor ..... bertarikh  
 ..... yang merupakan amaun deposit sebagaimana yang dikehendaki oleh  
 perenggan 3(2)(a) Kaedah-Kaedah Pengambilan Tanah 2017.

#### BAHAGIAN 6: AKUAN OLEH PEMOHON TENTANG PELUCUTHAKAN DEPOSIT

Saya/Kami\* ..... mengaku dan bersetuju bahawa  
 sekiranya saya/kami\* menarik balik permohonan di bawah subseksyen 3F(1)  
 Kaedah-Kaedah Pengambilan Tanah 2017 atau disifatkan menarik balik permohonan  
 sebagaimana yang dinyatakan dalam subkaedah 9(2) Kaedah-Kaedah Pengambilan  
 Tanah 2017, deposit yang dibayar di bawah kaedah 3 hendaklah dilucuthakkan  
 mengikut perenggan 9(3)(c) Kaedah-kaedah Pengambilan Tanah 2017.

Bertarikh ..... hari bulan ..... 20 .....

.....  
*Tandatangan*  
 (atau bentuk penyempurnaan yang lain)  
 Oleh atau bagi pihak pemohon

---

\* Potong mana-mana yang tidak berkenaan.



BORANG 2

(Subkaedah 4(2))

NOTIS UNTUK MENGHENDAKI DEPOSIT TAMBAHAN

Kepada: .....  
.....  
.....

Permohonan bagi pengambilan tanah di bawah perenggan \*3(1)(b) atau (c) Akta Pengambilan Tanah 1960 bagi maksud ..... dalam Bandar/Pekan/Mukim ..... Daerah ..... Negeri .....

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subkaedah 4(1) Kaedah-Kaedah Pengambilan Tanah 2017, tuan dengan ini dikehendaki untuk mengemukakan deposit tambahan berjumlah RM..... (Ringgit Malaysia: .....) dalam bentuk draf bank yang merupakan \*amaun pampasan yang diawardkan oleh Pentadbir Tanah/amaun tuntutan oleh orang yang berkepentingan dalam tempoh tiga puluh hari dari penerimaan notis ini.

Bertarikh ..... hari bulan ..... 20.....

.....  
*Pentadbir Tanah*

---

\* Potong mana-mana yang tidak berkenaan.

BORANG 3

(Subkaedah 6(3))

NOTIS RUNDINGAN

Kepada: .....  
.....  
.....

Permohonan bagi pengambilan tanah di bawah perenggan \*3(1)(b) atau (c) Akta Pengambilan Tanah 1960 bagi maksud ..... dalam Bandar/Pekan/Mukim ..... Daerah ..... Negeri .....

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 3A(3) Akta Pengambilan Tanah 1960, saya mengarahkan tuan supaya berunding dengan tuan punya berdaftar sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual di bawah ini dalam tempoh ..... hari dari tarikh penyampaian notis ini mengikut terma dan syarat yang berikut:

.....  
.....  
.....  
.....  
.....

2. Tuan adalah dengan ini dikehendaki untuk mengemukakan suatu laporan penuh perundingan sebagaimana yang dikehendaki di bawah subseksyen 3A(4) Akta Pengambilan Tanah 1960 dalam tempoh yang dinyatakan dalam perenggan (1) notis ini, dan jika tuan tidak berbuat demikian, permohonan tuan adalah disifatkan telah ditarik balik sebagaimana yang dinyatakan dalam subkaedah 9(2) Kaedah-Kaedah Pengambilan Tanah 2017.

Bertarikh ..... hari bulan ..... 20.....

.....  
*\*Pengarah*  
*Unit Perancangan Ekonomi*  
*Negeri/Pengerusi,*  
*Jawatankuasa bagi*  
*Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur*

## JADUAL

No. Lot/No. P.T./Petak	Hakmilik atau Pendudukan	Tuan Punya Berdaftar atau Penduduk yang Direkodkan	Keluasan Lot/ Petak	*Anggaran Keluasan yang hendak Diambil/Anggaran *Keluasan/Isipadu dan Had Tanah Bawah Tanah yang hendak Diambil

---

\*Potong mana-mana yang tidak berkenaan.

BORANG 4

(Subkaedah 7(5))

NOTIS KEPADA JAWATANKUASA KHAS PENGAMBILAN TANAH/  
PIHAK BERKUASA NEGERI

Kepada:

Pengerusi,  
Jawatankuasa Khas Pengambilan Tanah/Pihak Berkuasa Negeri

.....  
.....

Permohonan bagi pengambilan tanah di bawah perenggan \*3(1)(b) atau (c)  
Akta Pengambilan Tanah 1960 bagi maksud ..... dalam  
Bandar/Pekan/Mukim ..... Daerah ..... Negeri

.....

JADUAL

No. Lot/No. P.T./Petak	Hakmilik atau Pendudukan	Tuan Punya Berdaftar atau Penduduk yang Direkodkan	Keluasan Lot/ Petak	*Anggaran Keluasan yang hendak Diambil/Anggaran *Keluasan/ Isipadu dan Had Tanah Bawah Tanah yang hendak Diambil

Saya ..... pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 3A(7) Akta Pengambilan Tanah 1960, merujukkan permohonan yang berikut kepada Jawatankuasa Khas Pengambilan Tanah/Pihak Berkuasa Negeri untuk pertimbangannya.

2. Syor saya tentang permohonan itu adalah seperti yang berikut:

.....  
.....  
.....

.....  
.....  
.....  
.....

3. Alasan bagi syor saya adalah seperti yang berikut:  
(Nyatakan sepenuhnya alasan syor yang dibuat)

.....  
.....  
.....  
.....  
.....

4. Bersama-sama ini dilampirkan dokumen yang berikut (mengikut jenis pengambilan sama ada pengambilan \*tanah/tanah bawah tanah/bangunan atau tanah yang dipecah bahagi) untuk penelitian Jawatankuasa Khas Pengambilan Tanah/Pihak Berkuasa Negeri:

\*Bagi Tanah:

Lampiran A - Kertas Cadangan Projek

Lampiran B - Pelan Susun Atur dan Pelan pengambilan tanah

Lampiran C - Laporan Penilaian Awal

Lampiran D - Memorandum dan Perkara-Perkara Persatuan

Lampiran E - Pengesahan: Peruntukan adalah mencukupi untuk membiayai kos pampasan kerosakan akibat kerja ukur dan kajian tanah/kos penandaan/kos lain yang berkaitan


\*Bagi Tanah Bawah Tanah:

Lampiran A - Kertas Cadangan Projek

Lampiran B - Pelan Permohonan Tanah Bawah Tanah/Pelan Akui Stratum

Lampiran C - Pelan Pembangunan/Binaan (Jika berkenaan)


- Lampiran D - Laporan Penilaian Awal
- Lampiran E - Memorandum dan Perkara-Perkara Persatuan
- Lampiran F - Pengesahan: Peruntukan adalah mencukupi untuk membiayai kos pampasan kerosakan akibat kerja ukur dan kajian tanah/kos penandaan/kos lain yang berkaitan


\*Bagi Bangunan atau Tanah yang Dipecah Bahagi:

- Lampiran A - Kertas Cadangan Projek
- Lampiran B - Pelan Lokasi, Pelan Tingkat dan Pelan Penandaan
- Lampiran C - Salinan Pelan Akui Bangunan/Cadangan Pelan Strata
- Lampiran D - Salinan Kebenaran Merancang/Perintah Pembangunan
- Lampiran E - Pelan Pra-Hitungan
- Lampiran F - Laporan Penilaian Awal
- Lampiran G - Memorandum dan Perkara-Perkara Persatuan
- Lampiran H - Pengesahan: Peruntukan adalah mencukupi untuk membiayai kos pampasan kerosakan akibat kerja ukur dan kajian tanah/kos penandaan/kos lain yang berkaitan


Bertarikh ..... hari bulan ..... 20.....

.....

*Pengarah  
Unit Perancangan Ekonomi Negeri*

---

\*Potong mana-mana yang tidak berkenaan.

BORANG 5

(Perenggan 8(2)(b))

NOTIS KELULUSAN

Kepada:

.....  
.....  
.....

Permohonan bagi pengambilan tanah di bawah perenggan \*3(1)(b) atau (c) Akta Pengambilan Tanah 1960 bagi maksud ..... dalam Bandar/Pekan/Mukim ..... Daerah ..... Negeri .....

Menurut subseksyen 3E(3) Akta Pengambilan Tanah 1960, tuan adalah dengan ini diberitahu bahawa permohonan di atas telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri mengikut terma dan syarat yang berikut:

.....  
.....  
.....  
.....  
.....

2. Ambil perhatian bahawa jika tuan bersetuju dengan terma dan syarat itu, tuan dikehendaki untuk membayar baki deposit RM ..... (Ringgit Malaysia: ....., bersamaan dengan tujuh puluh lima peratus daripada deposit) dalam bentuk draf bank sebagaimana yang dikehendaki oleh perenggan 3(2)(b) Kaedah-Kaedah Pengambilan Tanah 2017 dalam tempoh tiga puluh hari dari penerimaan terma dan syarat kelulusan itu.

3. Ambil perhatian bahawa jika tuan tidak memberikan jawapan kepada Pentadbir Tanah dalam tempoh tiga puluh hari dari penerimaan notis ini untuk mengesahkan penerimaan tuan ke atas terma dan syarat itu, permohonan tuan adalah disifatkan telah ditarik balik menurut subseksyen 3E(4) Akta Pengambilan Tanah 1960.

Bertarikh ..... hari bulan ..... 20.....

.....  
*Pentadbir Tanah*

\*Saya/Kami, yang bertandatangan di bawah dengan ini mengaku menerima notis di atas yang bertarikh ..... 20.....

2. \*Saya/Kami \*menerima/tidak menerima terma dan syarat yang dikenakan.

Bertarikh ..... hari bulan ..... 20 .....

.....  
*Tandatangan*  
*(atau bentuk penyempurnaan yang lain)*  
*Oleh atau bagi pihak pemohon*

---

\*Potong mana-mana yang tidak berkenaan.



BORANG 6

(Perenggan 8(3)(b))

NOTIS PENOLAKAN

Kepada:

.....  
.....  
.....

Permohonan bagi pengambilan tanah di bawah perenggan \*3(1)(b) atau (c) Akta Pengambilan Tanah 1960 bagi maksud ..... dalam Bandar/Pekan/Mukim ..... Daerah ..... Negeri .....

Menurut subseksyen 3E(5) Akta Pengambilan Tanah 1960, tuan adalah dengan ini diberitahu bahawa permohonan di atas telah ditolak oleh Pihak Berkuasa Negeri.

Bertarikh ..... hari bulan ..... 20 .....

.....  
*Pentadbir Tanah*

---

\* Potong mana-mana yang tidak berkenaan.

BORANG 7

(Perenggan 9(3)(b))

NOTIS PELUCUTHAKAN DEPOSIT

Kepada:

.....  
.....  
.....

Permohonan bagi pengambilan tanah di bawah perenggan \*3(1)(b) atau (c) Akta Pengambilan Tanah 1960 bagi maksud ..... dalam Bandar/Pekan/Mukim ..... Daerah ..... Negeri .....

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 3F(2) Akta Pengambilan Tanah 1960, tuan adalah dengan ini diberitahu bahawa sejumlah RM ..... (Ringgit Malaysia: .....) yang merupakan deposit yang dibayar kepada Pentadbir Tanah menurut perenggan 3(3)(d) Akta Pengambilan Tanah 1960, dilucuthakkan.

Bertarikh ..... hari bulan ..... 20 .....

.....  
*Pentadbir Tanah*

\*Saya/Kami yang bertandatangan di bawah, ..... dengan ini mengaku menerima notis di atas yang bertarikh ..... 20.....

Bertarikh ..... hari bulan ..... 20 .....

.....  
*Tandatangan*  
*(atau bentuk penyempurnaan yang lain)*  
*Oleh atau bagi pihak pemohon*

---

\*Potong mana-mana yang tidak berkenaan.

BORANG 8

(Subkaedah 10(1))

PERMOHONAN BAGI PENDUDUKAN ATAU PENGGUNAAN SEMENTARA TANAH  
DI BAWAH SEKSYEN 57 AKTA PENGAMBILAN TANAH 1960

BAHAGIAN 1: PERMOHONAN

Kepada:

Pentadbir Tanah,

.....  
.....  
.....

Permohonan bagi pendudukan atau penggunaan sementara tanah di bawah seksyen 57  
Akta Pengambilan Tanah 1960 ..... dalam Bandar/Pekan/Mukim  
..... Daerah ..... Negeri .....

Saya/Kami\* .....  
beralamat di .....  
memberitahu bahawa tanah-tanah yang diperihalkan dalam Jadual kepada Borang ini  
akan diambil bagi pendudukan atau penggunaan sementara bagi maksud yang berikut:

.....  
.....  
.....

JADUAL

Negeri .....  
Daerah .....  
Bandar/Pekan/Mukim .....  
Perihal kawasan

.....  
.....  
.....

Tempoh pendudukan atau penggunaan sementara tanah:

.....

Tarikh memasuki tanah: .....

Tarikh serahan balik tanah: .....

No. Lot/No. P.T./Petak	Hakmilik/ Pendudukan	Tuan Punya Berdaftar atau Penduduk yang Direkodkan	Keluasan Lot/ Petak	*Anggaran Keluasan yang hendak Diambil/Anggaran *Keluasan/Isipadu dan Had Tanah Bawah Tanah yang hendak Diambil

**BAHAGIAN 2: BUTIR-BUTIR PEMOHON**

*\*(a)* Permohonan oleh orang perseorangan  
(Butir-butir yang berikut hendaklah dilengkapkan oleh setiap orang)

- (i) Nama: .....  
*(Huruf besar)*
- (ii) Nombor kad pengenalan: .....
- (iii) Alamat surat-menyurat: .....  
.....  
.....  
Poskod: .....
- (iv) Pekerjaan: .....
- (v) E-mel: .....
- (vi) Nombor telefon: .....

*\*(b)* Permohonan oleh syarikat/perbadanan/badan berkanun\*  
(Butir-butir yang berikut hendaklah dilengkapkan oleh setiap syarikat/perbadanan/badan berkanun\*)

- (i) Nama syarikat/perbadanan/badan berkanun\*:  
.....  
.....  
*(Huruf besar)*
- (ii) Nombor pendaftaran: .....
- (iii) Tarikh diperbadankan: .....

- (iv) Tempat pendaftaran:  
.....  
.....
- (v) Alamat berdaftar syarikat/perbadanan/badan berkanun\*  
(Jika suatu syarikat asing, alamat perniagaan terkini di Malaysia):  
.....  
.....
- (vi) Modal berbayar: .....
- (vii) Jenis perniagaan/aktiviti\* yang didaftarkan:  
.....
- (viii) Nama dan kewarganegaraan tiap-tiap pengarah/penama\*:  
.....
- (ix) E-mel: .....
- (x) Nombor telefon: .....

**BAHAGIAN 3: DOKUMEN IRINGAN**

Lampiran A	-	Pelan Pengambilan Tanah (Mengikut Skala)	
Lampiran B	-	Memorandum dan Perkara-Perkara Persatuan	
Lampiran C	-	Pengesahan: Bahawa peruntukan kewangan adalah mencukupi untuk membiayai pampasan bagi kerosakan tanah dan kos bagi pemulihan tanah.	
Lampiran D	-	Jadual Bayaran seperti yang berikut:	

**JADUAL BAYARAN**

No. Lot/No. P.T./Petak	Keluasan yang Diperlukan	Orang-Orang yang Berkepentingan	Jenis Kepentingan	Bahagian Pemberian Award	Bagi Kegunaan Rasmi

#### BAHAGIAN 4: FI PERMOHONAN

Bersama-sama ini saya/kami\* sertakan sejumlah RM ..... (Ringgit Malaysia: .....) dalam bentuk draf bank bernombor ..... bertarikh ..... sebagai fi permohonan sebagaimana yang ditetapkan di bawah subkaedah 10(2) Kaedah-Kaedah Pengambilan Tanah 2017.

#### BAHAGIAN 5: DEPOSIT

Bersama-sama ini saya/kami\* sertakan sejumlah RM ..... (Ringgit Malaysia: .....) dalam bentuk draf bank bernombor ..... bertarikh ..... sebagai deposit bagi permohonan sebagaimana yang dikehendaki di bawah kaedah 11 Kaedah-Kaedah Pengambilan Tanah 2017.

Bertarikh ..... hari bulan ..... 20 .....

.....  
*Tandatangan*  
*(atau bentuk penyempurnaan yang lain)*  
*Oleh atau bagi pihak pemohon*

---

\* Potong mana-mana yang tidak berkenaan.

BORANG 9

[Subkaedah 12(2)]

NOTIS PEMULIHAN TANAH

Kepada: .....

.....

.....

Tuan Punya/Penduduk\* Lot ..... Hakmilik/Pendudukan\*.....

Bandar/Pekan/Mukim\* .....

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 59 Akta Pengambilan Tanah 1960, saya dengan ini memberikan notis bahawa suatu siasatan akan dijalankan berkenaan dengan tanah yang tersebut di atas yang mempunyai anggaran keluasan ..... \*\*sebagaimana yang ditunjukkan dalam pelan yang dilampirkan bersama dengan notis ini dan bahawa saya menghendaki supaya tiap-tiap orang yang mempunyai apa-apa kepentingan dalam tanah itu hadir di hadapan saya pada ..... hari bulan ..... di ..... pada ..... pagi/petang.

Bertarikh ..... hari bulan ..... 20.....

.....  
*Pentadbir Tanah*

---

\*Potong mana-mana yang tidak berkenaan.

\*\*Masukkan anggaran keluasan dalam hektar atau selainnya.

BORANG 10

[Subkaedah 12(3)]

NOTIS SERAHAN BALIK TANAH

Kepada .....  
.....  
.....

Dengan ini diberitahu bahawa suatu siasatan telah dijalankan pada ..... hari bulan ..... berkenaan dengan tanah yang baginya tuan/puan mempunyai kepentingan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual kepada notis ini.

2. Berdasarkan kepada siasatan, tanah yang diduduki atau digunakan secara sementara melalui permohonan yang dibuat di bawah subkaedah 10(1) \*bagi tempoh yang dinyatakan dalam Borang 8/bagi tempoh ..... (dalam hal keadaan jika tanah diserahkan balik lebih awal daripada tempoh yang dinyatakan dalam Borang 8)—

\*(a) telah dipulihkan kepada keadaannya sebelum pendudukan atau penggunaan sementara itu dan dengan ini saya menyerahkan balik tanah itu kepada tuan;

ATAU

\*(b) tidak dipulihkan kepada keadaannya sebelum pendudukan atau penggunaan sementara itu dan dengan ini saya—

(i) menawarkan kepada tuan sejumlah RM ..... yang merupakan amaun yang dinyatakan dalam Jadual di bawah ini sebagai pampasan penuh bagi pemulihan tanah itu; dan

(ii) menyerahkan balik tanah itu kepada tuan/puan.

3. Ambil perhatian bahawa seksyen 29A Akta Pengambilan Tanah 1960 menghendaki supaya saya menahan dua puluh lima peratus daripada jumlah pampasan dalam hal keadaan tertentu, tertakluk kepada peruntukan seksyen itu.

Bertarikh ..... hari bulan ..... 20.....

.....  
*Pentadbir Tanah*



## JADUAL

No. Lot/No. P.T./Petak	Keluasan yang Diserahkan Balik	Orang-Orang yang Berkepentingan	Jenis Kepentingan	Bahagian Pemberian Award	Bagi Kegunaan Rasmi

Saya, yang bertandatangan di bawah ..... dengan ini mengakui yang berikut:

2.     \*(a)   Saya menerima serahan balik tanah yang tersebut di atas;
- \*(b)   Saya menerima tawaran dan serahan balik tanah yang tersebut di atas; dan
- \*(i)   saya bersedia untuk hadir di Pejabat Tanah pada hari yang ditetapkan untuk menerima bayaran secara \*tunai/cek/kiriman wang; atau
- \*(ii)   saya memohon supaya amaun yang kena dibayar itu dihantar kepada saya melalui \*cek/kiriman wang di alamat yang dinyatakan di atas; atau
- \*(iii)   saya memohon supaya amaun yang kena dibayar itu dipindahkan secara elektronik ke akaun saya.
- \*(c)   Saya menerima tawaran di atas dengan bantahan;
- \*(d)   Saya tidak menerima tawaran di atas.

Bertarikh ..... hari bulan ..... 20.....

.....  
*Pentadbir Tanah*

\*Potong mana-mana yang tidak berkenaan.

## JADUAL KEDUA

## FI

(Subkaedah 2(2), Perenggan 9(3)(a) dan Subkaedah 10(2))

Bil.	Butir-butir	Fi tambahan bagi setiap orang	Fi
1.	Tiap-tiap permohonan bagi pengambilan tanah selain bagi maksud kemudahan awam tidak lebih daripada 10 orang yang berkepentingan seperti dalam tanah terjadual.		RM10,000.00
	(a) Bagi tambahan orang yang seterusnya sehingga 15 orang.	RM1,000.00	
	(b) Bagi tambahan orang yang seterusnya sehingga 20 orang.	RM2,000.00	
	(c) Bagi tambahan orang yang seterusnya.	RM3,000.00	
2.	Tiap-tiap permohonan bagi pengambilan tanah bagi maksud kemudahan awam tidak lebih daripada 10 orang yang berkepentingan seperti dalam tanah terjadual.		RM1,000.00
	Bagi tambahan orang yang seterusnya.	RM100.00	
3.	Penarikan balik permohonan pengambilan tanah.	Tidak berkaitan	RM1,000.00

4.	Permohonan bagi pendudukan atau penggunaan sementara tanah.	Tidak berkaitan	RM1,000.00
----	---	-----------------	------------

Dibuat 30 November 2017

[JKPTG(S)/750/100-1/1/3 Jld V; PN(PU2)139/II]

DATUK SERI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR  
*Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar*

LAND ACQUISITION ACT 1960  
LAND ACQUISITION RULES 2017

---

ARRANGEMENT OF RULES

---

Rule

PART I  
PRELIMINARY

1. Citation and commencement

PART II  
LAND ACQUISITION

2. Application
3. Deposit
4. Additional deposit
5. Consideration by Land Administrator
6. Deliberation by State Economic Planning Unit or the Committee for the Federal Territory of Kuala Lumpur
7. Full report of negotiation
8. Decision of State Authority
9. Withdrawal of application

PART III  
TEMPORARY OCCUPATION OR USE OF LAND

10. Application
11. Deposit
12. Restoration of land

PART IV  
REVOCATION AND SAVING

13. Revocation and saving provision

FIRST SCHEDULE

SECOND SCHEDULE

LAND ACQUISITION ACT 1960

LAND ACQUISITION RULES 2017

